

14 APR 1999

Abdullah-Anwar

ABDULLAH HARAP RAKYAT MALAYSIA TERIMA KEPUTUSAN KES ANWAR

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap rakyat Malaysia menerima keputusan perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana ia merupakan keputusan mahkamah.

Beliau berkata tidak perlu ada reaksi yang boleh menimbulkan suasana tegang atau sebarang tindakan merusuh.

"Hari ini keputusan dibuat dan ia adalah satu keputusan mahkamah. Jadi kita terima sahajalah," katanya kepada pemberita setelah mengadakan jamuan tengah hari untuk Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah, di sini hari ini.

Anwar, bekas Timbalan Perdana Menteri dan bekas Menteri Kewangan, didapati bersalah terhadap empat tuduhan rasuah dan dihukum penjara enam tahun oleh Mahkamah Tinggi di sini hari ini.

Abdullah, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata negara mempunyai sistem kehakiman dan keputusan mahkamah perlu dipatuhi.

Menurutnya keputusan mahkamah itu dibuat setelah sekian lama perbicaraan diadakan dan liputan mengenainya diikuti setiap hari oleh rakyat Malaysia dan orang luar.

Abdullah berkata pihak pendakwa dan Anwar masing-masing mempunyai barisan peguam yang handal.

Mengenai tindakan para penyokong Anwar yang mengadakan perhimpunan haram di sekitar ibu kota bagi membantah keputusan mahkamah itu, Abdullah berharap keadaan adalah terkawal.

Menyentuh laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja berhubung kecederaan Anwar yang dialami sewaktu dalam tahanan polis, Abdullah berkata Kabinet hari ini dimaklumkan mengenainya.

Abdullah berkata beliau telah melihat laporan berkenaan yang akan didedahkan kepada umum.

Menurutnya ia akan diserahkan kepada Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah secepat mungkin.

Sultan Hassanal Bolkiah pagi ini menghabiskan masa kira-kira sejam mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sedang berehat di kediaman peribadinya di The Mines, Sungai Besi di sini selepas dirawat di Institut Jantung Negara (IJN) kerana infeksi paru-paru.

Sementara itu, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berharap mereka yang berhimpun secara haram menghormati keputusan mahkamah dan undang-undang negara.

Katanya penyokong Anwar sendiri sebelum ini mahukan beliau (Anwar) dibicarakan di mahkamah.

Ling, yang juga Menteri Pengangkutan, berkata tindakan berdemonstrasi tidak sepatutnya diadakan kerana keputusan mahkamah itu dibuat setelah tempoh perbicaraan yang agak lama.

Di KANGAR, Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim berharap rakyat menghormati keputusan mahkamah itu di samping menghormati undang-undang negara.

Beliau bimbang pelbagai masalah akan wujud jika ada pihak yang mempertikaikan keputusan mahkamah dan bertindak di luar batasan undang-undang.

"Biarlah hakim yang membuat keputusan tetapi bukan pihak lain termasuk media asing.

"Jika semua mahu bertindak sebagai hakim, akan timbul banyak masalah," katanya.

Oleh itu menghormati keputusan mahkamah serta mematuhi undang-undang negara adalah langkah terbaik bagi mengekalkan keamanan dan kestabilan negara.

Di JOHOR BAHRU, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman meminta agar orang ramai tetap menghormati keluhuran undang-undang negara kerana perbicaraan Anwar telah berjalan mengikut proses mahkamah berdasarkan undang-undang sedia ada.

"Orang ramai juga tidak harus mudah terpengaruh dengan angkara media asing yang sengaja melemparkan tohmahan terhadap sistem kehakiman negara ini," katanya kepada pemberita.

Katanya, sepanjang perbicaraan itu pihak media asing dan awam dapat mengikutinya mengikut proses undang-undang negara.

Di SEREMBAN, Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad berkata semua pihak mesti menghormati keputusan mahkamah kerana mahkamah merupakan badan tertinggi yang membuat keputusan tentang sesuatu kes.

Katanya oleh kerana mahkamah merupakan satu badan yang bebas, maka setiap keputusan yang dibuat oleh mahkamah mesti dihormati.

"Jika semua orang tidak berpuas hati dengan apa yang dibuat oleh mahkamah, maka kita tidak ada satu sistem... hidup dalam keadaan sekarang mesti mempunyai sistem-sistem yang tertentu," katanya kepada pemberita.

Sementara itu, Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata kedua-dua pihak dalam kes Anwar telahpun diberi peluang oleh mahkamah dan setiap daripada mereka telah mengemukakan kes masing-masing.

"Ini bermakna mereka menyerahkan nasib mereka untuk diputuskan oleh mahkamah. Oleh itu mereka harus menerima ataupun menghormati keputusan mahkamah itu," katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur hari ini.

Menurutnya jika mereka tidak berpuas hati dengan keputusan itu, mereka mempunyai hak dalam undang-undang untuk merayu di Mahkamah Rayuan.

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata rakyat perlu menerima keputusan mahkamah itu kerana ia tentulah ada asas-asas yang tertentu.

Katanya tidak ada guna bagi para penyokong Anwar berarak dan menentang keputusan itu kerana ia boleh merosakkan imej negara pada pandangan luar.

"Hukuman itu bukan diputuskan oleh (Perdana Menteri Datuk Seri Dr) Mahathir, bukan dibuat oleh Kabinet tetapi dibuat dalam perbicaraan," kata beliau.

-- BERNAMA